

Timbang 'duit raya' peneroka - Anwar

Oleh **BADRUL ISA**

pengarang@utsuan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 28 MEI**

PENGERUSI Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Parlimen, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta kerajaan supaya mempertimbangkan rayuan pemberian insentif Hari Raya Aidilfitri kepada peneroka Felda di seluruh negara.

Jelas Anwar, kegelisahan dan kesempitan hidup peneroka Felda bagi menghadapi bulan Ramadan dan perayaan Aidilfitri adalah benar berlaku, jadi pemberian insentif tersebut walaupun sedikit setidak-tidaknya mampu meringankan beban peneroka.

“Kita faham kenyataan oleh kerajaan termasuk oleh Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Menteri Hal Ehwal Ekonomi) memang ada masalah sedikit untuk perbincangan masa hadapan, tetapi kita juga ke bawah, kegelisahan itu benar.

“Orang hadapi masalah bulan Ramadan, masalah pula untuk hari raya, kita fikir kalau bolehlah dipertimbangkan, beri



ANWAR IBRAHIM (tengah) dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Parlimen di Bilik Jawatankuasa 1 Parlimen. Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN

sedikit pun tidak apa, mereka rasa ringan sedikit beban, jumlah itu terserah,” katanya.

Anwar yang juga merupakan Presiden PKR berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Parlimen di Parlimen di sini hari ini.

Sebelum ini, Mohamed Azmin memberitahu, keutamaan kerajaan kini ialah untuk memastikan pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil dibayar kepada peneroka sebe-

lum Aidilfitri.

Beliau menjelaskan, kerajaan tidak berupaya memberikan sebarang janji dalam mengumumkan 'duit raya' kepada peneroka seperti amalan yang dilaksanakan sejak 2011 bagi memastikan setiap perbelanjaan menepati matlamat jangka panjang.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pula mengakui tidak tahu sama ada bayaran insentif Hari Raya Aidilfitri akan diberikan atau tidak kepada 112,653 peneroka Felda.